

DASAR SIFAR PENOLAKAN (*ZERO REJECT POLICY*) DI MALAYSIA: MENILAI JURANG ANTARA ASPIRASI POLISI DAN KESEDIAAN SISTEM PENDIDIKAN

ZERO REJECT POLICY IN MALAYSIA: ASSESSING THE GAP BETWEEN POLICY ASPIRATIONS AND THE READINESS OF THE EDUCATION SYSTEM

Muhamad Kharizal bin Adzemy ¹
Nur 'Adnin Syamil binti Halik Bassah ^{2*}
Dayang Rafidah binti Syariff M. Fuad ³

¹ Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
(E-mail: ustazkhai83@gmail.com)

² Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
(E-mail: nuradninsyamil@fpe.upsi.edu.my)

³ Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
(E-mail: dayang@fpe.upsi.edu.my)

*Corresponding author: nuradninsyamil@fpe.upsi.edu.my

Article history

Received date : 15-2-2026
Revised date : 16-2-2026
Accepted date : 17-3-2026
Published date : 20-4-2026

To cite this document:

Adzemy, M. K., Halik Bassah, N. A. S., & Syariff M. Fuad, D. R. (2026). Dasar sifar penolakan (*Zero Reject Policy*) di Malaysia: Menilai jurang antara aspirasi polisi dan kesediaan sistem pendidikan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (82), 1 – 12.

Abstrak: *Dasar Sifar Penolakan (ZRP) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2019 merupakan satu langkah progresif untuk merealisasikan agenda "Pendidikan untuk Semua" dengan memastikan Murid Berkeperluan Khas (MBK) mendapat akses pendidikan tanpa halangan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar yang bersifat top-down ini telah mendedahkan satu jurang yang ketara antara aspirasi polisi dengan realiti di peringkat sekolah. Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis jurang tersebut dengan menilai tahap kesediaan sistem pendidikan Malaysia dari empat aspek utama: kesediaan guru arus perdana, kesediaan pentadbir sekolah, isu kapasiti dan kepadatan murid, serta kesediaan sosial murid arus perdana. Melalui kaedah analisis dokumen dan sintesis literatur, kertas ini mendapati bahawa walaupun ZRP berjaya meningkatkan enrolmen MBPK, ia dilaksanakan dalam satu ekosistem yang belum bersedia sepenuhnya. Guru arus perdana didapati kurang pengetahuan dan kemahiran, manakala pentadbir terhimpit antara arahan polisi dengan kekangan sumber dan infrastruktur. Sekolah berdepan dengan isu kepadatan murid yang kritikal, dengan purata murid melebihi 40 orang setiap kelas, jauh melebihi piawaian UNESCO. Akhir sekali, penerimaan sosial dalam kalangan murid arus perdana masih rendah, dengan 48.0% pentadbir tidak pasti sama ada murid arus perdana bersedia menerima MBK, sekali gus mewujudkan risiko buli yang tinggi. Kertas kerja ini merumuskan bahawa tanpa pelaburan yang setara dalam pembangunan kapasiti guru, penambahbaikan infrastruktur, dan*

pengurusan perubahan sosial, ZRP berisiko menjadi satu polisi yang idealistik di atas kertas tetapi menghasilkan tekanan sistematik dan kegagalan di dalam bilik darjah.

Kata Kunci: *Dasar Sifar Penolakan; Pendidikan Inklusif; Kesediaan Guru; Murid Berkeperluan Khas; Jurang Polisi-Amalan; Sistem Pendidikan.*

Abstract: *The Zero Reject Policy (ZRP) introduced by the Ministry of Education Malaysia in 2019 represents a progressive initiative to realise the agenda of “Education for All” by ensuring that students with special educational needs (SEN) are granted equitable access to education without barriers. However, the implementation of this top-down policy has revealed a significant gap between policy aspirations and the realities at the school level. This paper aims to analyse this gap by evaluating the readiness of the Malaysian education system across four key dimensions: mainstream teachers’ readiness, school administrators’ readiness, issues of capacity and student density, and the social readiness of mainstream students. Employing document analysis and literature synthesis, the findings indicate that although the ZRP has successfully increased SEN enrolment, it is being implemented within an ecosystem that is not yet fully prepared. Mainstream teachers were found to lack adequate knowledge and skills, while school administrators are constrained by policy directives and resource and infrastructure limitations. Schools are also facing critical overcrowding, with average class sizes exceeding 40 students—far above UNESCO standards. Furthermore, social acceptance among mainstream students remains low, with 48.0% of administrators uncertain whether mainstream students are ready to accept SEN students, thereby increasing the risk of bullying. This paper concludes that without commensurate investment in teacher capacity building, infrastructure enhancement, and the management of social change, the ZRP risks remaining an idealistic policy on paper while generating systemic pressures and potential failure within classroom practice.*

Keywords: *Zero Reject Policy; Inclusive Education; Teacher Readiness; Students with Special Educational Needs; Policy–Practice Gap; Education System.*

Pendahuluan

Pendidikan diiktiraf sebagai hak asasi manusia yang fundamental dan tunjang kepada pembangunan modal insan sesebuah negara. Selaras dengan komitmen antarabangsa seperti *Salamanca Statement* (1994) dan matlamat *Education for All*, Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan tiada kanak-kanak yang terpinggir daripada sistem pendidikan. Kemuncak kepada usaha ini adalah pengenalan Dasar Sifar Penolakan (*Zero Reject Policy - ZRP*) yang pekelilingnya mula diedarkan pada bulan Disember 2018 (Ruj: KPM100-6/1/25 Jld.13(6)) untuk dikuatkuasakan bermula Januari 2019, satu polisi yang secara mandatori memastikan setiap kanak-kanak, termasuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), diterima masuk ke sekolah kerajaan tanpa boleh ditolak permohonan mereka.

Dasar Sifar Penolakan (Zero Reject Policy, ZRP) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2019 merupakan usaha progresif bagi memastikan semua murid termasuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) mendapat akses pendidikan di sekolah arus perdana. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini menimbulkan persoalan besar tentang tahap kesediaan sistem pendidikan untuk menampung kepelbagaian keperluan murid dalam bilik darjah yang semakin padat dan kompleks. Laporan KPM (2019) telah menggariskan bahawa pelaksanaan ZRP berdepan dengan “jurang pelaksanaan” di antara

aspirasi dasar dan realiti di peringkat sekolah. Jurang ini kini semakin ketara apabila sekolah-sekolah di kawasan bandar menghadapi isu kepadatan murid yang serius. Sebagai contoh, di Sekolah Kebangsaan (SK) Cyberjaya, dilaporkan terdapat 13 kelas Tahun 1 dengan purata 50 orang murid bagi setiap kelas, menyebabkan ruang fizikal tidak lagi menepati piawaian keselesaan dan keselamatan murid (Astro Awani, 2024). Situasi ini memaksa KPM menyediakan 12 bilik darjah kabin sebagai langkah sementara untuk mengurangkan beban kepadatan (RTM, 2024). Fenomena ini bukan bersifat terpencil. Media tempatan melaporkan bahawa beberapa sekolah bandar utama lain turut menempatkan 45 hingga 50 murid dalam satu kelas, sehingga timbul cadangan untuk membina sekolah skala kecil bagi mengurangkan tekanan infrastruktur dan pedagogi (Sinar Harian, 2025). Keadaan ini bukan sahaja mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran, malah meningkatkan risiko kesihatan dan tekanan psikososial dalam kalangan murid dan guru (Maharam & Norazman, 2024; Universiti Malaya, 2024).

Peningkatan kes-kes besar melibatkan pelajar seperti kes amuk, terjatuh dari bangunan sekolah, serta menumbuk guru menimbulkan persoalan yang perlu direnung secara mendalam. Walaupun tiada bukti rasmi yang mengaitkan pelajar-pelajar terlibat sebagai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), muncul tanda tanya: Mungkinkah sebahagian daripada pelajar-pelajar ini sebenarnya termasuk dalam kategori MBPK yang tidak dikenal pasti atau tidak mendapat intervensi sewajarnya? Ketidakhadiran data rasmi atau penyelidikan yang menelusuri hubungan antara pelaksanaan ZRP dengan kesejahteraan mental dan sosial pelajar menjadikan persoalan ini semakin mendesak untuk dikaji. Ketiadaan data nasional yang meneliti hubungan antara pelaksanaan ZRP dengan kesejahteraan murid menandakan satu jurang penyelidikan yang signifikan. Sekiranya aspek kesediaan guru, infrastruktur, dan kesejahteraan sosial murid tidak ditangani secara holistik, maka dasar yang ideal ini berisiko menjadi simbolik semata-mata, bukan solusi sebenar kepada pendidikan inklusif yang berkualiti.

Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis secara kritis jurang antara aspirasi ZRP dengan realiti pelaksanaannya. Secara spesifik, objektif kertas kerja ini adalah untuk:

1. Menilai tahap kesediaan guru arus perdana dari aspek pengetahuan, kemahiran, dan pendedahan dalam melaksanakan ZRP.
2. Mengkaji perspektif pentadbir sekolah mengenai pemahaman mereka terhadap polisi ZRP berbanding cabaran sumber dan infrastruktur yang dihadapi.
3. Menganalisis isu kepadatan murid sebagai kesan langsung daripada pelaksanaan ZRP dan implikasinya terhadap kualiti pendidikan.
4. Meneliti tahap kesediaan murid arus perdana untuk menerima MBPK dan cabaran sosial yang wujud, terutamanya risiko buli.

Literatur

Untuk memahami mengapa ZRP dilaksanakan, adalah penting untuk menelusuri evolusi pendidikan khas di Malaysia dan menyedari bahawa perubahan ini didorong oleh anjakan falsafah di peringkat global dan sasaran di peringkat nasional yang mendapati model lama tidak lagi mencukupi.

Sejarah awal pendidikan untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di Malaysia bermula dengan model pengasingan. Murid-murid ini ditempatkan sepenuhnya di Sekolah Pendidikan Khas (SPK) yang berasingan daripada sekolah biasa. Menyedari keperluan untuk interaksi sosial, sistem pendidikan kemudiannya beralih kepada model integrasi. Model inilah

yang paling lazim dan dikenali oleh ramai guru hari ini, iaitu melalui Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Dalam model ini, MBPK ditempatkan di dalam kelas khas tetapi di dalam bangunan sekolah arus perdana. Kemudian diperkenalkan Program Inklusif Separa di mana murid PPKI menyertai kelas perdana untuk subjek-subjek tertentu. Model ini, walaupun satu penambahbaikan, masih mengekalkan MBPK sebagai satu entiti yang sebahagian besarnya terasing daripada rakan sebaya mereka.

Pada penghujung abad ke-20, satu anjakan falsafah besar berlaku di peringkat global. Gerakan "Pendidikan untuk Semua" (*Education for All*) yang dilancarkan di Jomtien, Thailand (1990) menjadi asas kepada perubahan ini. Titik perubahan paling signifikan adalah Penyata Salamanca (*Salamanca Statement*) pada tahun 1994, yang diterima pakai oleh Malaysia.

Penyata ini menegaskan bahawa:

- Pendidikan inklusif adalah kaedah paling berkesan untuk memerangi sikap diskriminasi.
- Sekolah arus perdana dengan orientasi inklusif harus menerima semua kanak-kanak tanpa mengira keadaan fizikal, intelek, sosial, emosi, atau keadaan lain mereka.

Falsafah ini mengubah pandangan terhadap pendidikan khas daripada model kebajikan/perubatan (memperbaiki kanak-kanak) kepada model hak asasi manusia (mengubah sistem untuk menerima kanak-kanak). Komitmen ini diperkukuh lagi apabila Malaysia meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (UNCRPD), yang mengiktiraf pendidikan dalam persekitaran inklusif sebagai hak asasi setiap individu.

Dasar Inklusif di Malaysia: Sasaran Polisi vs. Realiti Enrolmen

Walaupun Malaysia telah menerima falsafah inklusi, pelaksanaannya amat perlahan. Model PPKI (integrasi) masih menjadi pilihan utama, manakala model inklusif penuh (di mana MBPK belajar sepenuh masa di kelas perdana) tidak berkembang.

Laporan KPM pada tahun 2012 menyatakan bahawa hanya 6% daripada MBPK berada dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI), dan sebanyak 89% MBPK masih berada dalam kelas PPKI yang terasing. Melihat kepada data ini, KPM menyedari bahawa model sedia ada telah gagal untuk mencapai matlamat inklusi sebenar. Justeru, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, satu sasaran yang amat tinggi telah ditetapkan: untuk meningkatkan enrolmen MBPK dalam program inklusif kepada 75% menjelang tahun 2025. Wujud satu jurang yang amat besar antara realiti (6% pada 2012) dengan sasaran (75% pada 2025). Jelas sekali, perubahan secara perlahan-lahan tidak akan mencukupi. Satu anjakan dasar yang drastik diperlukan untuk memaksa sistem bergerak ke arah inklusi.

Di sinilah Dasar Sifar Penolakan (ZRP) memainkan peranannya secara signifikan dalam landskap pendidikan inklusif di Malaysia. Diperkenalkan pada tahun 2019, ZRP bukanlah suatu gagasan baharu dari sudut konseptual, sebaliknya berfungsi sebagai mekanisme penguatkuasaan yang lebih tegas dan sistematik terhadap dasar sedia ada. Secara khusus, dasar ini bertujuan untuk menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta Pendidikan 1996 (Seksyen 29A) yang mewajibkan akses kepada pendidikan rendah bagi semua kanak-kanak warganegara Malaysia tanpa pengecualian. Pada masa yang sama, ZRP bertindak sebagai pemangkin perubahan dengan memaksa institusi sekolah untuk menerima Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), sekali gus mempercepatkan usaha ke arah mencapai sasaran 75% kadar inklusi

seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Secara keseluruhannya, kewujudan ZRP adalah respons terhadap kelemahan pelaksanaan model sedia ada, khususnya Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan pendekatan inklusi separa yang didapati tidak menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan serta gagal merealisasikan aspirasi inklusiviti pendidikan di peringkat nasional.

Analogi dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS): Polisi Idealistik dalam Sistem yang Tidak Ideal

Sebenarnya, sebelum PBD, para guru telah melalui fasa pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Ramai guru masih ingat bebanan kerja yang luar biasa pada ketika itu, di mana mereka dikehendaki menyediakan dan menguruskan fail fizikal bagi setiap murid untuk mengumpul bukti pentaksiran. Semua ini perlu dilakukan di dalam kelas yang sedia padat, sambil peperiksaan utama seperti peperiksaan pertengahan dan akhir tahun masih berjalan seperti biasa. Beban menguruskan lebih 40 fail murid secara manual ini akhirnya terbukti tidak lestari. Pelbagai kajian telah dijalankan yang mendedahkan masalah pelaksanaan PBS, sehingga akhirnya ia dijenamakan semula dan diubah kepada format PBD yang lebih fleksibel.

Sejarah PBS/PBD ini adalah cerminan kepada apa yang sedang berlaku dengan ZRP. Sama seperti PBS, ZRP adalah satu dasar yang berasaskan falsafah pendidikan yang murni. Namun, pelaksanaannya tidak mengambil kira realiti di lapangan. Isu kelas padat yang pernah menyukarkan pelaksanaan PBS kini menjadi penghalang utama kepada kejayaan ZRP. Beban "mustahil" untuk menguruskan 40 fail fizikal dahulu kini digantikan dengan beban "mustahil" untuk menyediakan pengajaran terbeza kepada 40 murid dengan pelbagai tahap keupayaan dalam satu bilik darjah. Corak ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan kita cenderung untuk mengadaptasi polisi-polisi yang progresif tanpa terlebih dahulu memastikan ekosistem sokongan seperti saiz kelas yang ideal, infrastruktur yang mencukupi, dan latihan guru yang komprehensif telah tersedia. Inilah jurang kritikal antara aspirasi polisi dan realiti kesediaan sistem yang menjadi fokus utama kertas seminar ini.

Data daripada kajian oleh Che Mat et al. (2023) mengesahkan kebimbangan ini, di mana seorang guru besar melaporkan nisbah guru-murid di kelas PPKI sekolahnya mencecah 1:9, melebihi nisbah ideal. Masalah ini, ditambah dengan kekurangan infrastruktur dan guru arus perdana yang tidak terlatih, mewujudkan satu "ribut sempurna" (*a perfect storm*) di mana satu polisi yang baik dilaksanakan dalam sebuah sistem yang belum bersedia. Inilah jurang yang menjadi fokus utama kertas seminar ini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dan sintesis literatur bagi menilai kesediaan sistem pendidikan Malaysia terhadap pelaksanaan Dasar Sifar Penolakan (Zero Reject Policy, ZRP). Kaedah ini dipilih kerana sesuai untuk memahami fenomena dasar pendidikan yang kompleks melalui analisis mendalam terhadap data bukan numerikal.

Sumber dan Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian ini dikumpul secara sekunder daripada pelbagai sumber primer dan sekunder yang diterbitkan dalam tempoh 2019 hingga 2025, iaitu selepas penguatkuasaan rasmi Dasar Sifar Penolakan (ZRP). Sumber utama yang dianalisis merangkumi dokumen dasar rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti Pekeliling Ikhtisas KPM100-6/1/25 Jld.13(6), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013–2025), laporan tahunan

pendidikan khas, serta kenyataan media yang berkaitan dengan pelaksanaan ZRP. Di samping itu, kajian ini turut melibatkan analisis artikel jurnal ilmiah tempatan dan antarabangsa yang diperoleh daripada pangkalan data seperti MyCite, Google Scholar, ERIC dan Scopus dengan menggunakan kata kunci seperti “Zero Reject Policy”, “Inclusive Education”, “Teacher Readiness”, dan “Special Educational Needs in Malaysia”. Bagi memperkukuh kefahaman terhadap konteks pelaksanaan dasar, sumber sokongan tambahan seperti laporan UNESCO, prosiding persidangan, serta laporan berita yang mempunyai nilai empirikal turut dirujuk. Pemilihan dokumen dilaksanakan secara bertujuan (purposive sampling) dengan memberi penekanan kepada bahan yang secara langsung membincangkan aspek pelaksanaan, cabaran, dan tahap kesediaan pihak berkepentingan dalam konteks pendidikan inklusif di Malaysia.3.2

Kaedah Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik deduktif yang berpaksikan empat objektif utama kajian, iaitu kesediaan guru arus perdana, kesediaan pentadbir sekolah, isu kapasiti dan kepadatan murid, serta kesediaan sosial murid arus perdana terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Proses analisis dilaksanakan secara sistematik melalui tiga langkah utama. Pertama, penyaringan dokumen dilakukan bagi menilai tahap kesahihan, kebolehpercayaan dan kerelevanan setiap sumber selaras dengan fokus kajian. Kedua, proses pengekodan tematik dijalankan untuk mengenal pasti tema dan subtema utama yang muncul dalam dokumen, termasuk aspek seperti kompetensi guru, kekangan infrastruktur, risiko buli, dan jurang pelaksanaan. Ketiga, sintesis literatur dilaksanakan dengan mengintegrasikan dapatan daripada pelbagai sumber bagi membentuk pemahaman yang komprehensif tentang jurang antara aspirasi dasar dan tahap kesediaan sistem pendidikan dalam melaksanakan pendidikan inklusif.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Data

Untuk memastikan kesahihan dapatan, triangulasi sumber digunakan dengan membandingkan maklumat daripada dokumen dasar, laporan penyelidikan, dan refleksi pengamal pendidikan. Analisis turut disemak semula oleh seorang pensyarah bidang pendidikan khas sebagai semakan pakar (expert validation) bagi menjamin kredibiliti interpretasi.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Analisis terhadap kesediaan sistem pendidikan boleh dibahagikan kepada empat komponen utama yang saling berkait: kesediaan pelaksana (guru dan pentadbir), kesediaan fizikal (infrastruktur dan kapasiti), dan kesediaan sosial (komuniti sekolah).

Kesediaan Guru Arus Perdana: Krisis Kompetensi

Kesediaan guru arus perdana merupakan faktor kritikal dalam menjayakan pelaksanaan pendidikan inklusif, namun dapatan literatur menunjukkan wujudnya krisis kompetensi yang ketara dalam kalangan kumpulan ini. Sebagai pelaksana utama di bilik darjah, guru arus perdana didapati berada dalam keadaan tertekan serta kurang bersedia untuk mengurus keperluan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Dari aspek pengetahuan dan latihan, majoriti guru dilaporkan tidak menerima pendedahan yang mencukupi berkaitan pendidikan khas. Kajian kuantitatif oleh Abd Rahaman dan Yasin (2022) terhadap 50 pentadbir sekolah di Selangor mendapati bahawa sebahagian besar responden (46.0%) menyatakan ketidakpastian mengenai tahap latihan guru berkaitan MBPK, manakala dapatan Ensima et al. (2023) menunjukkan bahawa 60% guru tidak pernah mengikuti kursus pendidikan inklusif. Kekurangan ini berpunca sejak peringkat latihan perguruan yang lebih menekankan aspek teori berbanding aplikasi praktikal dalam konteks bilik darjah sebenar. Implikasi langsung daripada

kekangan ini dapat dilihat dalam amalan pengajaran, di mana guru kurang yakin dan tidak berupaya melaksanakan pengajaran terbeza (differentiated instruction) secara efektif. Abdullah et al. (2023), sebagai contoh, melaporkan bahawa guru di kawasan luar bandar Sarawak menilai tahap kemahiran pengajaran adaptif mereka pada tahap sederhana akibat kekurangan pengalaman dan latihan berkaitan MBPK. Keadaan ini mendorong kepada penggunaan pendekatan pengajaran secara menyeluruh (teach-a-whole), yang akhirnya menyebabkan MBPK ketinggalan dan gagal mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran secara optimum.


Kesediaan Pentadbir: Terperangkap Antara Polisi dan Realiti

Pentadbir sekolah memainkan peranan strategik dalam menentukan kejayaan pelaksanaan dasar inklusif di peringkat sekolah. Namun, kajian-kajian semasa menunjukkan bahawa kesediaan pentadbir di sekolah arus perdana masih berada pada tahap sederhana dan bersifat reaktif. Kajian oleh Che Mat, Jopri dan Omar (2023) menunjukkan bahawa walaupun majoriti guru besar memahami aspirasi Dasar Sifar Penolakan, pelaksanaannya sering terbantut oleh faktor luar kawalan seperti beban guru arus perdana, kekangan ruang, dan ketiadaan tenaga sokongan khas. Pentadbir dilihat lebih menumpukan kepada isu operasi rutin berbanding aspek pemantauan dan intervensi untuk murid berkeperluan khas yang telah diserap ke kelas biasa. Dapatan ini disokong oleh Ensimau, Hamzah dan Yassin (2023) yang mendapati pentadbir di sekolah arus perdana tidak mempunyai garis panduan yang jelas untuk menyelaras program pendidikan inklusif, menyebabkan pelaksanaan ZRP berlaku secara “trial-and-error” di peringkat sekolah. Dalam kajian Yasin et al. (2024) pula, sebanyak 58% pentadbir mengakui tidak pernah menerima latihan formal berkaitan pengurusan pendidikan inklusif, manakala 64% melaporkan ketiadaan guru pembimbing atau pegawai sumber khas untuk membantu pelaksanaan dasar.

Keadaan ini menunjukkan bahawa kesediaan pentadbir sekolah terhadap pelaksanaan ZRP dalam konteks aliran perdana masih lemah, bukan kerana kurang komitmen, tetapi akibat jurang bimbingan teknikal, latihan, dan struktur tadbir urus yang tidak seiring dengan kehendak dasar. Justeru, penyelidikan lanjut diperlukan bagi memahami bentuk sokongan kepimpinan dan sumber yang mampu meningkatkan keupayaan pentadbir dalam mengurus pelaksanaan dasar pendidikan inklusif yang kompleks dan pelbagai dimensi ini.

Kepadatan Murid: Kesan Langsung Peningkatan Enrolmen

Kejayaan ZRP dalam meningkatkan enrolmen MBPK telah membawa kepada kesan sampingan yang kritikal: kepadatan murid yang melampaui kapasiti fizikal sekolah. Pada tahun 2023, sebanyak 113,186 MBPK berdaftar di SPK, PPKI dan PPI di seluruh Malaysia. Sebanyak 101,741 MBPK (89.89 peratus) berada dalam PPI pada tahun 2023 berbanding 53,818 MBPK (60.87 peratus) pada tahun 2019 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 29.02 peratus (Rajah 1).



Rajah 1: Peratus MBPK Berada Dalam PPI (Sumber: Laporan PPPM, 2024)

Keadaan ini menyebabkan kelas menjadi padat. Mengikut Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), jumlah yang ideal bagi murid sekolah rendah dalam satu kelas adalah 25 (atau lebih rendah), manakala sekolah menengah adalah 30 (atau lebih rendah). Namun realiti jumlah murid di Malaysia dalam satu kelas ialah 40 ke atas khususnya di sekolah bandar. Isu ini pernah tular awal tahun ini sehingga Menteri Pendidikan mencadangkan pembinaan kelas terapung menggunakan kontena. Daya tampung kemudahan pendidikan yang tidak dapat menampung jumlah murid yang semakin bertambah boleh memberi kesan kepada keselesaan murid-murid dan guru-guru. Sofian et al. (2015), dalam kajiannya mendapati suhu persekitaran yang tinggi serta jumlah penghuni yang padat di dalam sesebuah premis seperti bilik darjah mampu mendatangkan rasa tidak selesa serta mengganggu proses pembelajaran.

1. SK SAUJANA UTAMA IJOK - PURATA 47
2. SK SERI PRISTANA - PURATA 46
3. SK DESA AMAN - PURATA 51
4. SK PUNCAK ALAM 3 - PURATA 51
5. SK PUNCAK ALAM 2 - PURATA 48
6. SK BANDAR BARU - PURATA 47

Rajah 2: Senarai nama sekolah rendah di Selangor yang tular kerana kelas padat. (Sumber: Portal Berita scoop.my)

1. SMK SAUJANA UTAMA - PURATA 51
2. SMK BANDAR SAUJANA UTAMA (2) - 43
3. SMK KUALA SELANGOR - PURATA 42
4. SMK DATO HARU MUSA - 51
5. SMK PUNCAK ALAM - PURATA 58
6. SMK PUNCAK ALAM 3 - PURATA 42
8. SMK PENGKALAN PERMATANG - 42

Rajah3: Senarai nama sekolah menengah di Selangor yang tular kerana kelas padat. (Sumber: Portal Berita scoop.my)

Rajah 2 dan 3 menunjukkan bilangan murid dalam satu kelas di Selangor yang ditularkan oleh ibubapa. Situasi ini menimbulkan persoalan asas: bagaimana seorang guru boleh mengajar secara berkesan dalam persekitaran sedemikian? Isu kepadatan kelas ini bukanlah baharu, namun pelaksanaan Dasar Sifar Penolakan (ZRP) telah menambah satu lagi lapisan kerumitan yang meletakkan guru dalam keadaan yang hampir mustahil. Negara-negara barat yang telah lama melaksanakan polisi inklusif juga bergelut dengan isu ini. Sebagai perbandingan, pada tahun 2013, seorang wakil Persatuan Guru Alberta, Kanada, menggambarkan senario "kelas terburuk" beliau yang mempunyai 37 orang murid. Namun, masalahnya bukan sekadar jumlah, tetapi kerencaman di dalamnya: tiga orang MBPK, empat murid dengan ketidakupayaan pembelajaran, seorang dengan masalah tingkah laku serius, tujuh berfungsi di bawah tahap gred, dan beberapa lagi dengan isu-isu lain. Jika 37 orang murid dengan kepelbagaian seperti ini sudah dianggap sebagai satu cabaran besar di Kanada, bayangkan beban yang ditanggung oleh guru di Malaysia yang berhadapan dengan 40, 50, atau bahkan 58 orang murid dalam satu kelas yang serupa.

Konsep ini dijelaskan dalam kajian oleh Horton et al. (2025) sebagai "pemampatan" (*compression*), di mana sejumlah besar individu dengan pelbagai keperluan "dimampatkan" ke dalam satu ruang fizikal yang terhad. ZRP secara dasarnya telah mewujudkan satu "pemampatan keperluan" yang ekstrem di dalam bilik darjah arus perdana. Seperti yang dinyatakan oleh Gordon Thomas, walaupun murid ditempatkan dalam kelas yang sama, perbezaan mereka tidak hilang; sebaliknya, perbezaan itulah yang menjadi beban untuk diuruskan oleh seorang guru. Beban ini menjadi lebih kritikal apabila kita melihat data kesediaan guru di Malaysia. Kajian oleh Abd Rahaman & Yasin (2022) mengesahkan bahawa guru arus perdana secara amnya kurang pengetahuan dan latihan untuk mengendalikan MBPK. Lebih membimbangkan, kajian oleh Jusimin & Salleh (2022) mendapati guru-guru Sekolah Pendidikan Khas (SPK) yang pakar pun masih merekodkan tahap kebimbangan yang sederhana ($\text{min}=3.19$) apabila berhadapan dengan MBK pelbagai ketidakupayaan. Persoalannya, jika golongan pakar pun berasa bimbang, bagaimana pula dengan guru arus perdana yang tidak terlatih yang kini dijangka untuk mengurus kerencaman yang sama atau lebih teruk di dalam kelas yang padat?

Realitinya, guru bukan sahaja mengajar satu kelas. Mereka berhadapan dengan beberapa kelas yang berbeza setiap hari, masing-masing dengan cabaran "pemampatan" yang tersendiri. Ini memaksa guru untuk bukan sahaja mengajar, tetapi juga bertindak sebagai ahli terapi, pakar intervensi, dan pengurus krisis, semuanya secara serentak. Beban inilah yang menjadi punca utama kelesuan (*burnout*) dan rasa putus asa dalam kalangan guru, di mana aspirasi murni ZRP telah diterjemahkan menjadi satu tugas harian yang mustahil untuk dilaksanakan.

Kesediaan Murid Arus Perdana dan Risiko Buli: Ancaman Sosial Tersembunyi

Inklusi bukan sekadar penempatan fizikal, tetapi juga penerimaan sosial. Malangnya, kesediaan murid arus perdana untuk menerima rakan-rakan MBPK mereka masih rendah, dan ini membuka pintu kepada risiko buli. Kajian tinjauan oleh Abd Rahaman & Yasin (2022) menunjukkan 48.0% pentadbir tidak pasti sama ada murid arus perdana di sekolah mereka bersedia menerima MBPK dalam satu persekitaran pembelajaran yang sama. Kajian lain yang dirujuk dalam artikel tersebut juga menyatakan bahawa murid arus perdana cenderung memilih rakan bukan MBPK jika diberikan tugas.

Ketiadaan data tempatan yang meluas mengenai buli terhadap MBPK di aliran perdana amat membimbangkan, terutamanya apabila laporan media mengenai peningkatan kes buli di

sekolah sering kali tidak memperincikan status keupayaan mangsa. Dalam kekosongan data ini, kajian-kajian antarabangsa memberikan amaran keras tentang satu realiti yang mungkin sedang berlaku tanpa direkodkan di Malaysia. Satu tinjauan literatur komprehensif oleh UNESCO (2021) melaporkan bahawa kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas menjadi mangsa kepada semua bentuk buli dengan lebih kerap. Dapatan ini disokong oleh satu analisis di 11 buah negara Eropah yang turut merumuskan bahawa murid dengan ketidakupayaan mengalami tahap pemangsa yang jauh lebih tinggi. Bentuk-bentuk buli yang dihadapi oleh MBK adalah pelbagai dan sering kali menyasarkan perbezaan mereka secara langsung:

- **Buli Lisan dan Psikologi:** Ini adalah bentuk yang paling lazim. Satu kajian melaporkan tingkah laku buli spesifik yang dialami hampir setiap hari termasuklah panggilan nama (90.3%) dan penyebaran khabar angin (89.1%). Ejekan ini sering kali bersifat kejam dan merendahkan martabat, seperti seorang murid yang dipanggil "bodoh" (*dumb*) atau dituduh mempunyai "bola keju di dalam kepalanya". Dalam insiden lain, seorang murid MBPK diejek dengan kata-kata, "Sekurang-kurangnya saya ada otak yang berfungsi sepenuhnya!".
- **Buli Fizikal:** Selain serangan fizikal langsung seperti ditendang, dipukul, atau ditolak (63.1%), wujud juga bentuk keganasan fizikal tidak langsung yang unik terhadap MBPK. Satu kajian kualitatif di Slovenia melaporkan insiden di mana murid lain mengganggu kerusi roda elektrik seorang murid kurang upaya, satu perbuatan yang bersamaan dengan mencederakan tubuh badan mangsa itu sendiri.
- **Penyisihan Sosial (*Social Exclusion*):** Ini adalah satu bentuk buli yang senyap tetapi amat merosakkan. Kajian melaporkan bagaimana rakan sekelas secara terbuka mengaku bahawa mereka mengelak daripada seorang murid kerana ketidakupayaannya atau bagaimana rakan-rakan menjauhkan diri selepas mengetahui keadaan penyakit seorang murid. Kesan buli ini terhadap MBK adalah amat mendalam dan membawa kemudaratan jangka panjang. Dari segi akademik, murid yang dibuli menunjukkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang lebih rendah, kadar ketidakhadiran ke sekolah yang lebih tinggi, dan dalam kes-kes ekstrem, berisiko untuk keciciran kekal dari sekolah (*permanent school dropout*). Malah, buli dikenal pasti sebagai salah satu punca utama penolakan untuk ke sekolah (*school refusal*), terutamanya dalam kalangan murid autisme. Dari sudut kesihatan mental, mangsa buli berisiko tinggi untuk mengalami simptom-simptom kemurungan, keresahan (*anxiety*), dan masalah psikosomatik. Apabila kita melihat faktor-faktor risiko yang menyebabkan MBPK dibuli seperti kekurangan kemahiran sosial, mempunyai bilangan kawan yang sedikit, dan perbezaan yang ketara dan mengaitkannya dengan realiti di Malaysia, mesejnya jelas. Dengan sistem yang belum bersedia sepenuhnya, kita mungkin sedang menempatkan golongan murid yang paling rentan ini ke dalam persekitaran di mana mereka berisiko tinggi untuk menjadi mangsa.
- **Hubung Kait dengan Konteks Malaysia:** Faktor-faktor risiko buli yang dikenal pasti di luar negara (guru kurang kemahiran mengurus kelas, sikap rakan sebaya yang negatif, persekitaran sesak) sudah pun wujud dalam sistem kita. Ini memberi isyarat bahawa MBK di Malaysia sangat berisiko menjadi "mangsa senyap" dalam peningkatan kes buli di sekolah-sekolah.

Kesimpulan

Dasar Sifar Penolakan (ZRP) adalah satu penegasan penting terhadap hak asasi setiap kanak-kanak di Malaysia untuk mendapat pendidikan, selaras dengan falsafah "Pendidikan untuk Semua" di peringkat global. Namun, seperti yang telah dibahaskan dalam kertas kerja ini, pelaksanaan dasar yang murni ini telah mendedahkan satu jurang yang kritikal antara aspirasi

polisi dengan realiti kesediaan sistem pendidikan negara. Kejayaan ZRP tidak boleh diukur hanya pada peningkatan data enrolmen semata-mata, tetapi harus dinilai berdasarkan kualiti pengalaman pendidikan yang diterima oleh semua murid di dalam bilik darjah.

Jurang ini terzahir melalui pelbagai peringkat iaitu bermula dengan krisis kompetensi dalam kalangan guru arus perdana yang tidak dilengkapi dengan pengetahuan dan latihan yang mencukupi untuk mengurus bilik darjah yang rencam. Kemudian di peringkat pentadbiran, guru besar terperangkap antara tanggungjawab untuk melaksanakan dasar dengan kekangan sumber dan infrastruktur yang terhad. Seterusnya diburukkan lagi dengan isu kepadatan murid yang melampaui kapasiti fizikal sekolah dan kemampuan guru untuk mengendalikan dan akhir sekali, kesediaan sosial yang rendah dalam kalangan murid arus perdana yang bukan sahaja menghalang inklusi yang bermakna, tetapi juga mewujudkan satu persekitaran yang berisiko tinggi untuk insiden buli terhadap MBPK.

Kesimpulannya, pendidikan inklusif yang tulen menuntut lebih daripada sekadar penempatan fizikal murid di dalam kelas yang sama. Ia memerlukan satu komitmen yang jujur dan pelaburan yang substantif dalam mempersiapkan setiap komponen sistem terutama guru yang kompeten, pentadbir yang disokong, infrastruktur yang mencukupi, dan komuniti sekolah yang selamat. Tanpa kesediaan yang holistik ini, ZRP berisiko untuk kekal sebagai satu idealisme yang murni di atas kertas, tetapi secara tidak sengaja mengorbankan kualiti pendidikan dan kesejahteraan generasi murid, baik MBPK mahupun arus perdana.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah politeknik yang telah sudi meluangkan masa untuk menjadi responden, serta rakan penyelidik yang telah memberi pandangan dan sokongan sepanjang proses penyelidikan ini.

Rujukan

- Abd Rahaman, N., & Yasin, M. H. M. (2022). *Tahap kesediaan pentadbir sekolah arus perdana terhadap pelaksanaan Dasar Sifar Penolakan (Zero Reject Policy)*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i7/12943>
- Adams, D., Moosa, V., Shareefa, M., Mohamed, A., & Tan, K. L. (2025). Assessing Inclusive School Leadership Practices in Malaysia: Instrument Adaptation and Validation. *International Journal of Disability, Development and Education*, 72(2), 263–281. <https://doi.org/10.1080/1034912X.2024.2354895>
- Ainscow, M. (2020). Promoting inclusion and equity in education: lessons from international experiences. *Nordic Journal of Studies in Educational Policy*, 6(1), 7–16. <https://doi.org/10.1080/20020317.2020.1729587>
- Antoniou, C., Kyriakides, L., & Creemers, B. P. M. (2024). *The effect of school size and class size on school outcomes*. *Frontiers in Psychology*, 15, 1354072. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2024.1354072>
- Astro Awani. (2024, May 10). *Isu kepadatan murid di SK Cyberjaya sedang ditangani – KPM*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-kepadatan-murid-di-sk-cyberjaya-sedang-ditangani-kpm-462460>
- Avramidis, E., & Norwich, B. (2002). Teachers' attitudes towards integration / inclusion: a review of the literature. *European Journal of Special Needs Education*, 17(2), 129–147. <https://doi.org/10.1080/08856250210129056>
- Bernama. (2024, March 15). *KPM sedia 12 bilik darjah kabin kepada SK Cyberjaya*. <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-artikel/sekolah-padat-kpm-sedia12-bilik-darjah-kabin-kepada-sk-cyberjaya>
- Che Mat, H., Jopri, S., & Omar, M. K. (2023). Headmasters Understanding And Readiness In Implementing The Zero Reject Policy. *Journal of Special Needs Education*, 13, 47–64. Retrieved from <https://journal.nase.org.my/index.php/jsne/article/view/89>
- Ensimau, A., Hamzah, M., & Yassin, M. H. M. (2023). *Zero Reject Policy: A new pathway of inclusive education in Malaysia*. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(4), 56–70. https://doi.org/10.2991/978-2-494069-33-6_2
- Loreman, T. (2017). *Pedagogy for inclusive education*. *Oxford Research Encyclopedia of Education*. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780190264093.013.148>
- Maharam, N., & Norazman, M. (2024). *Standard classroom capacity: Effective of learning activities in Malaysian primary school buildings*. *Journal of Built Environment and Design Research*, 8(1), 14–28. <https://doi.org/10.37934/ard.118.1.3441>
- Sinar Harian. (2025, March 20). *Syor bina sekolah skala kecil dalam komuniti*. <https://www.sinarharian.com.my/article/719488/berita/nasional/syor-bina-sekolah-skala-kecil-dalam-komuniti>
- UNESCO. (2020). *Global Education Monitoring Report 2020: Inclusion and education – All means all*. Paris: UNESCO.
- Universiti Malaya. (2024, April 8). *Tackling overcrowding for healthier school communities*. <https://spm.um.edu.my/2024/04/08/room-to-learn-tackling-overcrowding-for-healthier-school-communities>
- Yasin, M. H. M., Rahim, A., & Liew, J. (2024). *Readiness of school administrators in inclusive education practices in Malaysia*. *Proceedings of the International Conference on Inclusive Education (ICIE 2024)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.